

myMetro BASIS SENSITIF

BERNAMA

Isrin, 27 November 2023, 11:32am
Waktu Solat Kuala Lumpur

Cari kata kunci

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/RAPXTRA BISNES ADDIN WM METROTV TITIPAN KASIH GALERI RADIO + BELANJAWAN 2024

HADIAH UTAMAX3 Kondominium EXSIM D'Terra

TESLA HADIAH PERTAMOK Tesla Model 3 & Proton Saga

HADIAH WANGTUNAX 80 RM1,500 (Untuk urus pembangunan sekolah)

Gertai sekengang!

Usaha literasi kewangan perlu dimulakan di peringkat sekolah

Minds (PKB)

JUARA Ringgit Malaysia LIMA RIBU RM 5,000.00

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Seri Ahmad Maslan, menyampaikan hadiah kepada kumpulan The Inquisitive Minds, Politeknik Kota Bharu, yang menjadi juara Program Kembara Bijak Wang Tahun 2023 anjura Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di Yayasan Pusat Belia Antarabangsa. FOTO FATHIL ASRI

Kuala Lumpur: Usaha menggalakkan literasi atau celik kewangan masih perlu diperbaiki khususnya di peringkat sekolah supaya rakyat tidak ketinggalan dan 'buta' dalam pengurusan kewangan, kata Timbalan Menteri Kewangan I Datuk Seri Ahmad Maslan.

Justeru itu, beliau berkata berharap pengenalan mata pelajaran 'Kewangan dan Keusahawanan' dapat direalisasikan sebagai subjek khususnya di sekolah menengah agar golongan muda khususnya mendapat pendedahan dan pendidikan lebih awal mengenai pengurusan kewangan dan keusahawanan sebelum menamatkan pengajian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Dalam satu mesyuarat jawatankuasa Kabinet mengenai belia beberapa bulan lepas, yang dipengerusikan (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kita di Kementerian Kewangan (MoF) telah mengesyorkan cadangan ini secara rasmi iaitu pendidikan keusahawanan dimulakan di sekolah menengah supaya akhirnya anak-anak yang hanya ada SPM boleh menyara kehidupan dengan lebih baik.

"Jika tidak ada ilmu kewangan dan menjadi sihat kewangan, mereka yang hanya memiliki SPM terpaksa makan gaji dengan gaji yang rendah dan akhirnya menjadi kumpulan B40," katanya ketika berucap pada Program Literasi Kewangan 'Kembara Bijak Wang 2023' (KBW2023) di sini hari ini.

Ahmad berkata dalam 400,000 ke 500,000 calon SPM setiap tahun, hanya 40 peratus daripada mereka akan melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia), vokasional atau teknikal, diploma dan ijazah ke atas.

Sehubungan itu, beliau berharap Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan (2019-2023) akan diteruskan sebagai usaha mempromosikan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab dan sikap yang positif terhadap pengurusan kewangan.

Program KBW2023 yang dianjurkan buat kali keempat sejak 2019 adalah hasil kerjasama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan HSBC Malaysia bertujuan meningkatkan literasi kewangan menggunakan pendekatan digital dan menawarkan aktiviti mencabar serta pengalaman yang menyeronokkan.

Program tahun ini melibatkan 3,202 pelajar dari universiti tempatan, politeknik, kolej komuniti dan MySkills Foundation.

Disiarkan pada: 21 November 2023

Sumber : [Usaha literasi kewangan perlu dimulakan di peringkat sekolah](#) (Sila klik)